

26/11/1997

Atasi isu mata wang melalui politik

Hafifi Hafidz; Khaidir Abdul Majid in Vancouver

VANCOUVER, Selasa - Asean bersepakat mahu pertemuan 18 pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini esok, memberi sokongan politik bagi menggerakkan setiap usaha menyelesaikan masalah mata wang termasuk mewujudkan peraturan urus niaga.

Dalam satu perbincangan semalam, pemimpin Asean yang akan menghadiri mesyuarat Apec itu, sebulat suara memperakui masalah mata wang yang turut dihadapi beberapa negara anggotanya, mempunyai kesan meluas dan bukan terhad kepada rantau itu saja.

Asean juga mahu Apec menentukan usaha secara bersama dilaksanakan bagi menguruskan masalah.

Perbincangan enam pemimpin Asean itu bagi mencapai kesepakatan menjelang mesyuarat pemimpin Apec di University of British Columbia, di sini esok. Pertubuhan serantau itu melantik Presiden Filipina, Fidel Ramos sebagai jurucakap mereka menyuarakan kesepakatan itu.

Pemimpin Asean turut mengadakan pertemuan dengan Presiden Bill Clinton, pada awal pagi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu wartawan di sini, kedua-dua mesyuarat pemimpin Asean dan perbincangan sambil bersarapan dengan Clinton memberi tumpuan kepada masalah mata wang.

"Kita membincangkan masalah mata wang itu dan isu alam sekitar yang akan dibincangkan di Kyoto, Jepun," katanya secara ringkas apabila ditanya mengenai hasil kedua-dua mesyuarat.

Selain Dr Mahathir dan Ramos, pemimpin Asean lain yang akan menghadiri mesyuarat Apec ialah Presiden Suharto dari Indonesia, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong; Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai; dan Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei.

Dalam taklimatnya kepada wartawan semalam, Setiausaha Perdagangan dan Industri Filipina, Cesar B Bautista berkata, mesyuarat pemimpin Asean juga menyatakan keinginan untuk menyaksikan perjanjian bantuan kewangan yang dipersetujui di Manila minggu lalu dilaksanakan.

Di bawah perjanjian Manila itu, usaha akan dilaksanakan ke arah mewujudkan peraturan bagi kegiatan urus niaga mata wang.

Sebanyak 14 daripada 18 negara Apec menghadiri mesyuarat di Manila itu, menerusi timbalan menteri kewangan dan timbalan gabenor masing-masing.

Mesyuarat itu antara lain menubuhkan tabung bagi melengkapkan bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) kepada negara yang menghadapi ketidakstabilan nilai mata wang.

Bautista berkata, usaha merangka peraturan bagi kegiatan urus niaga mata wang tidak boleh diselesaikan dalam satu mesyuarat tetapi memerlukan beberapa pertemuan di peringkat Menteri Kewangan.

"Pada minggu terdekat ini, beberapa mesyuarat diatur bagi membincangkan masalah mata wang," katanya.

(END)